

AGM Umno: Karpal gesa mahkamah tindak atas Najib
The Malaysian Insider
12 Disember, 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

KUALA LUMPUR, 12 Dis — Karpal Singh menuntut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dikenakan tindakan berhubung kenyataan beliau mengenai kes liwat semasa perhimpunan agung Umno baru-baru ini kerana mempunnyai unsur-unsur menghina mahkamah.

Peguam utama Datuk Seri Anwar Ibrahim ini berkata, Najib telah mengkritik Ketua Umum PR itu berhubung keputusannya memberi keterangan dari kandang saksi.

"Kenyataan PM terkandung (unsur) jenayah menghina mahkamah yang memerlukan mahkamah ini bertindak secara 'act suo moto', mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada perdana menteri (Najib) mengapa tidak harus dirujuk (atas kesalahan) menghina mahkamah," kata Karpal sambil menambah, sesiapa pun tidak harus bebas, tidak kira jawatan, daripada tindakan mahkamah.

Karpal (gambar) berkata demikian ketika membuat penggulungan hujah dalam kes liwat dihadapi Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-umno-karpal-gesa-mahkamah-tindak-atas-najib/>